

UNTUK SIARAN SEGERA



## HRD CORP DAN PERNAS BEKERJASAMA MEMACU KEUSAHAWANAN MALAYSIA MENERUSI 'PITCH & GROW'

**KUALA LUMPUR, 22 Mei 2025** – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan bangganya mengumumkan kerjasama strategik bersama **Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)** bagi melancarkan **Pertandingan Keusahawanan *Pitch & Grow***, bersempena **National Training Week (NTW) 2025**.

Pertandingan ini merupakan salah satu aktiviti berimpak tinggi di bawah NTW 2025 yang bertujuan untuk memupuk pembangunan keusahawanan di samping memperkasa usahawan yang bercita-cita tinggi melalui penyediaan alatan, bimbingan serta pendedahan yang diperlukan.

Pertandingan ini merupakan satu inisiatif berkonsepkan rancangan "*Shark Tank*" yang menawarkan platform kepada para peserta untuk membentangkan idea perniagaan inovatif mereka di hadapan panel juri. Melalui pertandingan ini, peserta boleh menerima maklum balas daripada pakar perniagaan, bersaing dalam merebut hadiah menarik di samping berpotensi menerima sokongan bagi merealisasikan rancangan perniagaan mereka. Antara hadiah yang ditawarkan:

### **1. Wang Tunai Ditaja Pernas**

Tiga pemenang utama akan dipilih oleh panel juri dari Pernas dan HRD Corp. Hadiah wang tunai akan diberikan kepada pemenang utama yang mempunyai rancangan perniagaan yang berinovasi dan berdaya maju:

- **Tempat Pertama: RM10,000**
- **Tempat Kedua: RM5,000**
- **Tempat ketiga: RM3,000**

## UNTUK SIARAN SEGERA

### **2. Bengkel Cadangan Perniagaan**

Peserta yang disenarai pendek untuk pertandingan ini akan terpilih untuk mengikuti Bengkel Cadangan Perniagaan yang dianjurkan oleh Pernas di bawah *Franchise Institute*. Sesi ini bertujuan untuk memperkukuh kemahiran peserta dalam membangunkan cadangan perniagaan dan membentangkannya secara efektif.

### **3. Bimbingan Perniagaan Pasca-Pertandingan**

Selepas pertandingan dijalankan, finalis akan menerima bimbingan dan sokongan perniagaan selama tiga (3) hingga enam (6) bulan, oleh Pernas. Komponen ini penting dalam membantu peserta melaksana seterusnya memperhalusi rancangan perniagaan dengan lebih berkesan.

Pertandingan seumpama ini dapat menambah elemen keseronokan dan kepantasan dalam proses keusahawanan, mendorong peserta untuk berfikir secara strategik, menyampaikan impak dan memperhalusi nilai cadangan mereka di hadapan barisan juri yang berpengalaman.

Kerjasama ini merupakan satu kejayaan dalam usaha berterusan HRD Corp bagi memupuk peningkatan kemahiran, inovasi dan penyertaan berkaitan ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia, sejajar dengan matlamat NTW 2025.

Penyertaan **selewat-lewatnya pada 28 Mei 2025**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.nationaltrainingweek.gov.my/>

**-Tamat-**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penajaan pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).

### **Mengenai Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)**

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) ialah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) di bawah Kementerian Kewangan, yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia serta menyokong pertumbuhan komuniti keusahawanan negara.

Pernas komited untuk memperkasakan pertumbuhan keusahawanan dan industri francais di Malaysia. Daripada bimbingan dan peluang jaringan, sehinggalah kepada pembiayaan dan latihan, usaha kami adalah untuk

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

meningkatkan pengetahuan, mengukuhkan komuniti francais dan melahirkan bakat francais pada masa hadapan. Dengan itu, kami percaya ia akan mendorong perubahan positif dalam landskap keusahawanan Malaysia.

Laman web : [www.pernas.my](http://www.pernas.my)

Facebook : pernasofficial

Twitter : pernasofficial

Instagram : pernasofficial